

RM322.5 bilion diperuntuk untuk kesejahteraan rakyat, jana ekonomi

Belanjawan terbesar negara

PETALING JAYA – Belanjawan 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam mencatat sejarah tersendiri sebagai belanjawan terbesar yang pernah diumumkan oleh kerajaan.

Belanjawan bertemakan 'Teguh Kita, Menang Bersama' yang dibentangkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz itu menyediakan peruntukan sebanyak RM322.5 bilion, meningkat 25.48 bilion berbanding Belanjawan 2020.

Tengku Zafrul berkata, belanjawan negara untuk tahun depan dirangka berdasarkan tiga matlamat utama iaitu Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi.

"Kutipan hasil kerajaan bagi tahun 2021 dijangka meningkat kepada RM236.9 bilion, namun kerajaan memutuskan Belanjawan 2021 merupakan belanjawan yang mengembang.

"Sehubungan itu, jumlah perbelanjaan bagi tahun 2021 merupakan perbelanjaan terbesar dalam sejarah," kata Tengku Zafrul ketika membentangkan belanjawan pertama oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN) setebal 108 muka surat.

Pembentangan semalam tu-



TENGGU ZAFRUL membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat semalam yang hanya dihadiri seramai 80 Ahli Parlimen.

rut mencatat sejarah tersendiri apabila hanya 80 Ahli Parlimen dibenarkan memasuki Dewan Rakyat semasa pembentangan Belanjawan 2021 oleh Menteri Kewangan berikutan penularan pandemik Covid-19.

Mereka merangkumi 41 Ahli Parlimen kerajaan dan 39 Ahli Parlimen pembangkang dan bebas yang dipilih oleh parti politik masing-masing.

Tengku Zafrul berkata, dari-

pada jumlah peruntukan yang disediakan, RM236.5 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus, RM69 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang Covid-19.

Kata beliau, sebanyak RM2 bilion lagi diperuntukkan bagi simpanan luar jangka dengan defisit fiskal 2021 diunjur pada kadar 5.4 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut beliau, Kementerian

Pendidikan masih menerima peruntukan terbesar sebanyak RM50.4 bilion atau 15.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan.

Terdahulu, beliau memaklumkan, penularan Covid-19 menjerut ekonomi dunia dan Malaysia turut berhadapan ketidaktentuan persekitaran luar, kejatuhan harga komoditi dan ruang fiskal yang terhad.

Bagaimanapun, kata beliau, KDNK negara mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan daripada negatif 28.6 peratus pada April 2020 kepada negatif 3.2 peratus pada Jun lalu.

Malah, kata beliau, ekonomi negara dijangka kembali pulih dan berkembang pada kadar antara 6.5 hingga 7.5 peratus sejajar dengan langkah proaktif yang diambil kerajaan termasuk melalui pakej ransangan ekonomi dan Belanjawan 2021.

Jelas beliau, Belanjawan 2021 dirangka berdasarkan siri jelajah dan konsultasi ke seluruh negara melibatkan lebih 38 sesi dialog, 40 bidang perniagaan dan perusahaan.

Tambah beliau, Kementerian Kewangan turut mengadakan sesi libat urus bersama kepimpi-

nan Kementerian Kerajaan Persekutuan, negeri, ketua industri, ahli akademik, badan bukan kerajaan, pemimpin politik dan pelbagai lapisan masyarakat.

Beliau mengakhiri pembentangan dengan menyeru semua pihak supaya bermuafakat walaupun berbalah atau berbeza pandangan dan menjulang Belanjawan 2021 supaya menjadi kanun saksi perpaduan demi rakyat.